

NAM masih relevan

PUTRAJAYA 27 Mei - Ahli-ahli Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) diminta berhenti daripada mempersoalkan peranan NAM kerana pertubuhan itu masih relevan pada masa ini. Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar ketika membuat gesaan itu berkata, terdapat ahli-ahli dan pengkritik pertubuhan itu yang berterusan mempersoalkan peranan NAM sejak berakhirnya Perang Dingin.

"NAM akan terus memperbaiki peranannya walaupun banyak matlamat pertubuhan itu yang masih belum dipenuhi.

"Kewujudan NAM sangat penting dalam usaha memperkuatkan hubungan pelbagai hala selain mengawasi pendekatan sehalu yang sehingga kini terus menguasai senario antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Persediaan Pegawai-Pegawai Kanan bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Biro Penyelarasan NAM di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Menurut Syed Hamid, dalam usaha mempertahankan prinsip NAM, apa yang diperlukan ialah penilaian semula yang realistik terhadap strateginya.

Katanya, salah satu dari isu yang diutamakan adalah kepentingan peranan NAM dalam mengukuhkan hubungan pelbagai hala pada abad ke-21.

Beliau berkata, walaupun perkembangan di peringkat antarabangsa sejak empat dekad lalu membuktikan dasar berkecuali NAM betul, namun perlu diakui bahawa masalah dan konflik yang serius masih wujud di merata dunia.

Jelasnya, keadaan itu mengancam kemajuan yang dicapai setakat ini.

Sehubungan itu, katanya, bagi menangani perkara itu, NAM perlu mengambil langkah tertentu termasuk mengukuhkan keupayaan dan melaksanakan tindakan berkesan untuk menyelesaikannya.

Dalam mencapai matlamat itu juga, Syed Hamid berkata, adalah penting NAM memperbaiki proses membuat keputusan dengan menilai semula mekanisme yang digunakan ketika menjalankan kerja-kerjanya.

"Jika analisis dan kajian semula dilakukan

➤ **Kewujudan NAM sangat penting dalam usaha memperkuatkan hubungan pelbagai hala selain mengawasi pendekatan sehalu.**

UM-28/5/2006

- Syed Hamid



TUNJUK KEBOLEHAN... Syed Hamid Albar memerhatikan Duta Bahrain ke China Karim Ibrahim Al-Shakar mengukir kayu, ketika melawat gerai pameran sempena pembukaan rasmi Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Biro Penyelarasan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali NAM peringkat pegawai-pegawai kanan kerajaan di Putrajaya, semalam.

terhadap cara kita bekerja, ia menjadi amat berguna kepada NAM.

"Oleh itu menjadi harapan saya supaya perkara ini diambil perhatian yang serius sama ada di Putrajaya ini atau pun di Havana, Cuba kelak,"

katanya.

Beliau berkata, NAM juga perlu berusaha melalui proses hubungan pelbagai hala yang dinamik itu untuk memperbaiki kehidupan rakyatnya di dalam persekitaran yang aman dan terjamin.

PERDANA
LEADERSHIP